

**Umno Putrajaya Anjur Program Berbuka Puasa Sepanjang Ramadan
Bernama
22 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Umno Putrajaya menganjurkan program berbuka puasa bersama penduduk setempat setiap hari sepanjang Ramadan ini, dalam usaha mendekati dan mendengar masalah masyarakat.

Ketuanya yang juga Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata selain berbuka puasa bersama, Umno bahagian itu juga akan menghantar juadah berbuka ke rumah penduduk.

Program akan berlangsung hingga 23 Ramadan dan diharapkan menerusi program Maidatul Al-Rahman ini, kita akan dapat mendengar masalah penduduk selain beramah mesra dengan mereka, katanya kepada pemberita, di sini malam tadi.

Beliau ditemui selepas majlis berbuka puasa bersama kira-kira 200 penduduk Putrajaya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682360>

